

**MALAYSIA:
KEMAJUAN DAN KEMUNDURAN
AMNESTY INTERNATIONAL:
PENYERTAAN PADA SESI KE-45 KUMPULAN KERJA UPR, JANUARI - FEBRUARI 2024
RINGKASAN**

Laporan ringkas ini disediakan untuk Penilaian Berkala Sejangat (UPR) Malaysia pada Januari-Februari 2024. Di dalamnya, Amnesty International menilai pelaksanaan syor yang dibuat kepada Malaysia dalam UPR sebelum ini, termasuk berkaitan dengan hukuman mati, hak untuk kebebasan bersuara dan berhimpun, dan hak pekerja migran.

Ia juga menilai rangka kerja hak asasi manusia negara berkenaan dengan ratifikasi perjanjian hak asasi manusia teras dan kebebasan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, yang dikenali sebagai SUHAKAM (Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan).

Berkenaan situasi hak asasi manusia di lapangan, Amnesty International membangkitkan kebimbangan mengenai hak kebebasan bersuara dan berhimpun, layanan terhadap migran dan pelarian dan Orang Asal, pemansuhan hukuman mati mandatori, kematian dalam tahanan yang berterusan dan hak Orang Asal.

Ia berakhir dengan satu set syor kepada Malaysia yang mana jika dilaksanakan, akan menyumbang kepada usaha memperbaiki keadaan hak asasi manusia negara.

© AMNESTY INTERNATIONAL 2023; INDEKS ASA 28/6867/2023, JUN 2023 BAHASA: BAHASA MELAYU. KECUALI YANG DICATATKAN SEBALIKNYA, KANDUNGAN DALAM DOKUMEN INI DILESENKAN DI BAWAH LESEN KREATIF (ATRIBUSI, BUKAN KOMERSIAL, TIADA DERIVATIF, ANTARABANGSA 4.0).
[HTTPS://CREATIVECOMMONS.ORG/LICENSES/BY-NC-ND/4.0/LEGALCODE](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/legalcode)
UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA LAYARI HALAMAN "PERMISSIONS" DI LAMAN WEB KAMI: WWW.AMNESTY.ORG

AMNESTY INTERNATIONAL MERUPAKAN PERGERAKAN GLOBAL DENGAN LEBIH DARIPADA 13 JUTA ORANG YANG BERKEMPEN UNTUK DUNIA DI MANA HAK ASASI MANUSIA DINIKMATI SEMUA.
VISI KAMI ADALAH UNTUK SETIAP ORANG MENIKMATI SEGALA HAK YANG TERTERA DALAM PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT DAN STANDARD HAK ASASI MANUSIA ANTARABANGSA YANG LAIN.
KAMI TIDAK TERIKAT DENGAN MANA-MANA KERAJAAN, IDEOLOGI POLITIK, KEPENTINGAN EKONOMI ATAU AGAMA DAN DIBIYAI TERUTAMANYA MELALUI KEFAHIAN DAN PERMA AWAM

SUSULAN KEPADA PENILAIAN TERDAHULU

1. Malaysia menerima 268 syor semasa penilaian 2018. Daripada jumlah ini, kerajaan menyokong sepenuhnya atau sebahagian daripada 148 syor dan mengambil maklum (menolak) 120, termasuk yang masih relevan dan jika dilaksanakan akan menyumbang kepada memperbaiki keadaan hak asasi manusia negara.
2. Walaupun kerajaan menyokong penuh beberapa syor untuk mengkaji semula undang-undang yang menyekat kebebasan bersuara dan berhimpun untuk menyelaraskannya dengan undang-undang¹ hak asasi manusia antarabangsa, ia hanya menerima sebahagian atau hanya mengambil maklum yang lain². Walaupun kerajaan berikrar untuk mengkaji semula undang-undang yang menindas seperti Akta Hasutan³, tiada apa-apa pembaharuan telah dibuat setakat ini.
3. Kerajaan menyokong saranan untuk mengambil langkah memansuhkan hukuman mati dan mengekalkan moratorium hukuman mati.⁴ Pada April 2023, terdapat kemajuan yang ketara apabila kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori dan menghapuskan hukuman mati sebagai hukuman bagi tujuh kesalahan.⁵
4. Kerajaan juga menyokong syor-syor untuk menghormati dan melindungi hak pekerja migran, memastikan langkah yang perlu untuk meningkatkan perpaduan sosial, dan mencegah serta menghukum semua bentuk kebencian dan keganasan terhadap mereka.⁶ Malangnya, beberapa tahun kebelakangan ini telah menyaksikan tindakan keras yang semakin meningkat oleh pihak berkuasa terhadap migran dan pelarian secara amnya.⁷
5. Seperti dalam penilaian sebelum ini, kerajaan hanya menerima sebahagian atau mengambil maklum banyak syor untuk meratifikasi perjanjian hak asasi manusia teras, termasuk Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dan Konvensyen Menentang Penyeksaan.⁸ Ia juga menolak syor untuk menghapuskan semua reservasi pada Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya.⁹

KERANGKA HAK ASASI MANUSIA NEGARA

6. Usaha baru-baru ini untuk meratifikasi perjanjian hak asasi manusia menemui kegagalan. Pada 2018, kerajaan membatalkan rancangan untuk menandatangani Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum berikutan tindak balas daripada kumpulan¹⁰ tertentu. Pada 2019, kerajaan telah menarik diri daripada Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa sebulan selepas menandatangani, berikutan perbezaan pendapat daripada keluarga diraja¹¹ Malaysia.

7. Pada 2022, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalami kemunduran apabila Pesuruhjaya baharu dilantik oleh kerajaan dalam proses pemilihan¹² yang tidak telus. Pada Mac 2023, kerajaan melantik Pesuruhjaya Kanak-Kanak.¹³

REALITI SITUASI HAK ASASI MANUSIA

Kebebasan bersuara dan berhimpun

8. Pihak berkuasa terus menggunakan undang-undang yang menindas untuk menutup mulut mereka yang menggunakan hak mereka untuk kebebasan bersuara. Polis menjalankan 692 siasatan antara Januari 2020 dan Jun 2022 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) dan undang-undang berkaitan, mengakibatkan 87 pendakwaan termasuk artis, penghibur dan aktivis politik.¹⁴ Terdapat laporan penyiasatan tambahan dan penahanan di bawah AKM selepas Jun 2022. Akta Hasutan,¹⁵ Akta Mesin Cetak dan Penerbitan¹⁶ dan Akta Penapisan Filem juga terus digunakan untuk menyekat kebebasan bersuara.

9. Pada Februari 2021, saluran berita dalam talian Malaysiakini didenda RM500,000 (USD 107,500) kerana komen pembacanya yang didakwa mengkritik badan kehakiman¹⁷ negara. Pada Februari 2022, polis menahan aktivis Fahmi Reza selama dua hari kerana karya seni di akaun Twitternya yang menyindir seorang menteri kerajaan.¹⁸ Pada Mac 2023, artis dan pengarah filem Mentega Terbang, mengenai seorang wanita muda yang meneroka konsep akhirat dalam pelbagai agama, menghadapi soal siasat polis, ugutan bunuh dan vandalisme harta benda.¹⁹

10. Pihak berkuasa berterusan menghalang demonstrasi aman, menyiasat dan mendakwa penganjur dan peserta kesalahan jenayah, khususnya di bawah Akta Perhimpunan Aman (APA) dan Kanun Keseksaan. Pada Jun 2022, polis menghalang beberapa ratus peguam dari Majlis Peguam daripada berarak ke parlimen untuk membantah campur tangan Kerajaan dalam badan kehakiman - tiga pemimpin kemudiannya disiasat di bawah APA.

Migran dan pelarian

11. Malaysia terus melanggar larangan antarabangsa terhadap *refoulement* dengan menghantar pulang orang secara paksa ke negara di mana mereka berisiko menghadapi pelanggaran hak asasi manusia yang serius.

12. Pada Februari 2021, kerajaan menghantar pulang 1,086 individu ke Myanmar, walaupun rampasan kuasa tentera pada awal bulan itu dan bertentangan dengan penangguhan pengusiran yang diberikan oleh mahkamah.²⁰ Pada Januari 2023, kerajaan menghantar pulang 114 lagi, termasuk kanak-kanak, biarpun perintah penangguhan pengusiran²¹ telah dikeluarkan. Pada Disember 2022, mahkamah menolak penilaian kehakiman yang difailkan oleh Amnesty International Malaysia dan Asylum Access Malaysia yang menonjolkan

kebimbangan mengenai kanak-kanak bawah umur yang tidak ditemani dan ketiadaan persetujuan termaklum daripada orang yang dihantar pulang. Pengusiran itu merupakan suatu *refoulement* konstruktif, kerana individu tersebut hanya boleh memilih untuk kekal dalam tahanan tanpa had atau dikembalikan ke Myanmar, yang mana kedua-duanya melanggar hak mereka. Pengusiran tersebut adalah antara yang difahamkan telah dilakukan oleh kerajaan sejak rampasan kuasa tentera pada 2021, walaupun dengan peningkatan keganasan dan pencabulan hak asasi manusia di Myanmar.

13. Pihak berkuasa terus menolak atau mendakwa orang Rohingya yang terkandas di atas bot kerana melarikan diri daripada penganiayaan di Myanmar dan kesusahan di kem pelarian di Bangladesh. Pada April 2020, kerajaan membenarkan 202 orang Rohingya turun dari bot yang hanyut di pantai Langkawi;²² bot kedua yang membawa 269 orang Rohingya dibenarkan mendarat pada Jun 2020.²³ Media melaporkan bahawa beberapa pelarian telah meninggal dunia semasa dalam perjalanan. Mangsa yang terselamat ditahan di depot imigresen sementara di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Pihak berkuasa kemudiannya mensabitkan kesalahan 31 lelaki Rohingya di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan menjatuhkan hukuman penjara tujuh bulan; sekurang-kurangnya 20 dijatuhkan hukuman rotan yang ditarik balik selepas bantahan.²⁴ Pada 20 April 2022, empat orang dewasa dan dua kanak-kanak maut semasa didakwa melarikan diri dari pusat tahanan Sungai Bakap; seorang kanak-kanak berumur 14 tahun meninggal dunia beberapa hari kemudian akibat kecederaan. Kebanyakan tahanan telah ditangkap semula. Walaupun terdapat desakan untuk menyasat kejadian itu, sehingga kini masih tidak jelas siapa yang bertanggungjawab terhadap kehilangan nyawa²⁵ yang berlaku. Pada 2023, kerajaan menutup pusat tahanan Sungai Bakap.²⁶

Hukuman mati

14. Pada 16 Jun 2023, Malaysia menyiarkan dalam Warta Rasmi Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 dan Akta Semakan Hukuman Mati dan Pemenjaraan Sepanjang Hayat (Bidang Kuasa Sementara Mahkamah Persekutuan) 2023, yang memansuhkan hukuman mati mandatori dan menetapkan proses pembelaan semula bagi mereka yang di bawah hukuman mati dan pemenjaraan sepanjang hayat.²⁷ Walau bagaimanapun, kebimbangan tetap ada, termasuk mengekalkan hukuman sebat antara bilangan hukuman alternatif yang terhad. Hukuman mati juga dikekalkan sebagai hukuman mengikut budi bicara untuk kesalahan berkaitan dadah dan kesalahan lain yang tidak memenuhi ambang "jenayah paling serius" yang mana penggunaan hukuman ini mesti dihadkan di bawah undang-undang dan piawaian antarabangsa.²⁸ Moratorium rasmi ke atas hukuman mati kekal dilaksanakan sejak 2018.

15. Undang-undang itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang akan diumumkan oleh Menteri Undang-undang, diikuti dengan tempoh 90 hari membenarkan mereka yang menghadapi hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat, dan telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan, untuk memohon penjatuhan hukuman semula, yang akan melibatkan 840

orang. Mereka yang menjalani perbicaraan dan rayuan boleh memohon.²⁹ Proses ini walau bagaimanapun, tidak dijelaskan dengan secukupnya dalam undang-undang. Dalam menyemak hukuman, Mahkamah Persekutuan akan "memanggil dan memeriksa rekod prosiding, alasan penghakiman dan dokumen lain yang berkaitan" (Perkara 2.3).³⁰

16. Kerajaan sekarang dan yang sebelumnya berusaha untuk menyediakan lebih banyak maklumat mengenai mereka yang ditahan di hukuman mati secara terbuka, terutamanya sebagai jawapan kepada soalan Parlimen. Walau bagaimanapun, akibat kekurangan ketelusan yang berterusan, termasuk ke atas hukuman mati yang dikenakan dan diringkankan melalui prosedur pengampunan, ia menjadikannya sukar untuk memantau secara bebas dan secukupnya pelaksanaan dan kesan hukuman mati.

17. Pada 2019, penyelidikan oleh Amnesty International menunjukkan bahawa hukuman mati di Malaysia sebahagian besarnya jatuh ke atas mereka yang disabitkan kesalahan dadah, yang secara tidak seimbang termasuk wanita dan warga asing.³¹ Maklumat terhad yang ada menunjukkan sebilangan besar mereka yang dijatuhkan hukuman mati adalah daripada latar belakang sosio-ekonomi yang kurang bernasib baik, manakala etnik minoriti tertentu diwakili secara berlebihan, menunjuk kepada pelbagai lapisan kesewenang-wenangan dan diskriminasi dalam penggunaan hukuman.

18. Terdapatnya pelanggaran hak yang banyak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil menyebabkan defendan menghadapi risiko hukuman mati. Walaupun terdapat skim bantuan guaman, mereka yang ditangkap untuk kesalahan yang boleh dihukum mati yang tidak dapat mengupah peguam secara bebas selalunya tidak menerima bantuan guaman apabila ditangkap atau semasa di bawah tahanan reman polis. Kes jenayah tidak boleh dibuka semula selepas penghakiman muktamad walaupun atas alasan fakta baharu – perlindungan kritikal terutamanya dalam kes yang melibatkan hukuman mati. Pelanggaran lain termasuk kekurangan wakil undang-undang yang ditugaskan untuk kes sehingga perbicaraan akan dimulakan, akses yang tidak mencukupi kepada jurubahasa dan pelbagai sokongan lain untuk warga asing.

19. Proses pengampunan yang tidak jelas dan rahsia mendedahkan orang ramai kepada keputusan sewenang-wenangnya yang boleh membawa kepada pelaksanaan hukuman mati. Bertentangan dengan piawai antarabangsa, undang-undang Malaysia tidak menjamin hak untuk mendapatkan penasihat undang-undang untuk permohonan pengampunan. Masalah ini kelihatan sangat meruncing bagi warga asing, yang merupakan lebih separuh daripada mereka yang belum memfailkan permohonan pengampunan.

Kematian dalam tahanan

20. Laporan tentang penggunaan kekerasan yang menyalahi undang-undang terhadap orang dalam tahanan dan kematian dalam tahanan diterima secara berterusan. Penyelidikan oleh Amnesty International dan organisasi hak asasi manusia yang lain telah berulang kali

menunjukkan bahawa penderaan masih berterusan, dan mereka yang bertanggungjawab tidak dipertanggungjawabkan.³²

21. Pada April 2018, Kementerian Dalam Negeri berkata ia telah memperkenalkan prosedur baharu yang memerlukan tahanan melengkapkan borang yang memperincikan keadaan kesihatan mereka. CCTV dipasang di lokap yang tidak mempunyainya. Perubahan ini tidak menambah baik perkara dengan ketara. Pada Februari 2023, kerajaan mengumumkan ia mungkin membawa langkah baharu selepas mendedahkan 24 kematian dalam tahanan yang direkodkan pada 2022.³³

22. Pada 2018, kerajaan mengumumkan rancangan untuk menubuhkan suruhanjaya polis bebas untuk menyiasat salah laku polis dan berfungsi sebagai badan pengawasan.³⁴ Pada Julai 2022, parlimen meluluskan Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 yang dikritik secara meluas. Ia tidak mempunyai kebebasan dan kuasa penyiasatan yang diperlukan untuk menyiasat salah laku polis secara berkesan termasuk berkaitan kematian dalam tahanan.³⁵ Kebimbangan termasuk peruntukan membenarkan pelantikan pegawai polis ke suruhanjaya dan keperluan pemberitahuan awal untuk melawat balai polis dan kemudahan lain.³⁶ Akta itu dijangka berkuat kuasa pada Jun 2023.³⁷

Hak Orang Asal

23. Di seluruh Malaysia, pembangunan tanah yang meluas telah memberi kesan buruk kepada Orang Asal, dan menimbulkan ancaman kepada spektrum hak asasi manusia yang luas.

24. Pada tahun 2018, Amnesty International mendapati bahawa pemimpin Orang Asal, aktivis dan peguam menghadapi ancaman serangan, penangkapan, dan siasatan oleh polis kerana aktiviti aman mereka untuk mempertahankan tanah Orang Asal. Dalam kejadian serangan dan ugutan, saksi berkata polis secara rutin gagal menyiasat atau menjawab dakwaan oleh Orang Asal dan pembela hak asasi manusia³⁸ yang lain.

25. Kegagalan untuk mendapatkan persetujuan bebas, terdahulu dan termaklum untuk projek pembangunan terus dilaporkan, dan komuniti hanya mengetahui mengenai sesuatu projek tersebut hanya apabila projek telah dimulakan, selalunya melalui papan tanda yang dipasang menghalang mereka daripada memasuki kawasan tertentu. Padah akibat bersuara untuk mempertahankan tanah Orang Asal juga telah mewujudkan perasan gentar di kalangan masyarakat dan aktivis.

26. Pada 2021, kerajaan negeri Selangor telah menyahwartakan status atau menarik balik status perlindungan kawasan seluas 537 hektar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (KLNFR). Kemarahan awam dan tekanan politik mendorong kerajaan mengumumkan akanewartakan rizab itu semula, namun sehingga Jun 2023³⁹ perkara ini masih belum berlaku.

SYOR TINDAKAN OLEH NEGERI DALAM PENILAIAN

Amnesty International menyeru kerajaan Malaysia untuk:

Rangka kerja hak asasi manusia kebangsaan

27. Seperti yang dicadangkan sebelum ini, ratifikasi perjanjian hak asasi manusia teras, termasuk Perjanjian Antarabangsa, Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum dan Konvensyen PBB Menentang Penyiksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah.

28. Seperti yang dicadangkan sebelum ini, ratifikasi Konvensyen PBB Berkaitan Status Pelarian dan Konvensyen Antarabangsa PBB mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka.

29. Memperkukuh dan memastikan kebebasan SUHAKAM supaya dapat melaksanakan fungsinya dengan berkesan dan mengekalkan status gred A selaras dengan Prinsip Paris.

Kebebasan bersuara dan berhimpun

30. Mansuhkan Akta Hasutan 1948 dan mansuhkan atau pinda undang-undang lain yang sewenang-wenangnya menyekat hak kebebasan bersuara, termasuk Akta Komunikasi dan Multimedia dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, untuk memastikan ia selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

31. Segera dan tanpa syarat bebaskan mereka yang dipenjarakan semata-mata kerana melaksanakan hak mereka untuk kebebasan bersuara secara aman; menggugurkan pertuduhan di bawah undang-undang ini terhadap individu kerana melaksanakan hak ini secara aman dan, sementara menunggu pemansuhan atau pindaan undang-undang ini, pastikan tiada orang lain ditangkap, disiasat, didakwa, atau dipenjarakan semata-mata kerana melaksanakan hak asasi manusia mereka secara aman.

32. Mengkaji semula atau meminda Akta Perhimpunan Aman, Kanun Keseksaan, dan undang-undang lain untuk membenarkan bantahan aman tanpa sekatan sewenang-wenangnya, menggugurkan tuduhan dan penyiasatan terhadap individu semata-mata kerana melaksanakan hak mereka untuk kebebasan berhimpun secara aman dan, sementara menunggu penilaian atau pindaan undang-undang ini, pastikan tiada orang lain ditangkap, disiasat, didakwa atau dipenjarakan semata-mata kerana menggunakan hak mereka untuk berhimpun secara aman.

Migran dan pelarian

33. Tamatkan penahanan automatik dan/atau tanpa had bagi semua migran tidak tetap dan pastikan populasi istimewa seperti mangsa pemerdagangan dan pelarian diberikan perlindungan yang diperlukan menurut undang-undang antarabangsa.

34. Pastikan kanak-kanak tidak pernah ditahan, dan keluarga tidak dipisahkan akibat penahanan penjaga dewasa.

35. Menghormati prinsip undang-undang antarabangsa *non-refoulement*, hentikan semua pengusiran migran dan pelarian ke negara yang mereka mungkin berisiko, dan pastikan laluan undang-undang untuk kemasukan dan penyelarasan, termasuk suaka untuk semua orang yang keselamatannya berisiko dan penyatuan semula keluarga.

36. Memudahkan pelarian Myanmar dengan kapal mendarat dengan selamat, menghantar bot mencari dan menyelamatkan kepada mereka yang berada di laut dan menyediakan laluan untuk mereka selamat tinggal di negara ini, termasuk dengan mendapatkan suaka, tanpa perlu ditahan.

37. Membenarkan Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian melaksanakan mandatnya, termasuk dengan memberikannya akses kepada sesiapa yang ditahan, dan memastikan penilaian dan syornya dipatuhi secara individu hasil penilaian terhadap orang yang ditahan.

Hukuman mati

38. Seperti yang disyorkan sebelum ini, hapuskan hukuman mati bagi semua jenayah; sementara menunggu, lanjutkan moratorium rasmi ke atas pelaksanaan hukuman mati sehingga hukuman mati dimansuhkan sepenuhnya dan semua hukuman mati yang sedia ada disemak dan diringkankan; dan menghapuskan hukuman mati bagi jenayah yang tidak mencapai ambang "jenayah paling serius" di bawah undang-undang dan piawaian antarabangsa, sebagai langkah pertama.

39. Pastikan bahawa semua orang yang menghadapi hukuman mati, termasuk mereka yang mempunyai latar belakang kurang bernasib baik – mempunyai akses kepada bantuan undang-undang yang cekap, dari saat ditangkap atau apabila mereka mula-mula menghadapi pertuduhan jenayah, kepada rayuan dan prosedur rekursu lain, dan memastikan bahawa Majlis Peguam Pusat Bantuan Guaman di Malaysia disediakan sumber yang mencukupi untuk melantik peguam pro bono yang kompeten di semua wilayah.

40. Wujudkan prosedur yang telus untuk melaksanakan kuasa untuk memberikan permohonan pengampunan, bagi memenuhi tujuannya sebagai perlindungan yang bermakna bagi proses yang wajar.

41. Semak semula secara individu, dengan niat untuk meringankan, hukuman lebih 1,300 individu dijatuhkan hukuman mati; memastikan bahawa sebarang proses pendakwaan semula adalah selaras dengan piawaian perbicaraan adil antarabangsa, termasuk memastikan mereka yang memohon penilaian mempunyai masa, sumber dan akses yang mencukupi kepada perwakilan undang-undang, dan dengan menjamin hak mereka untuk merayu; dan memastikan bahawa hukuman alternatif tidak melanggar larangan terhadap penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.

42. Terbitkan secara berkala, maklumat penuh dan terperinci, diasingkan sekurang-kurangnya mengikut jantina, kewarganegaraan, dan latar belakang etnik, tentang penggunaan hukuman mati yang boleh menyumbang kepada perbincangan umum mengenai isu tersebut. Data tersebut hendaklah termasuk bilangan orang yang dijatuhkan hukuman mati dan butiran kesalahan, bilangan banduan yang merayu hukuman itu, pada peringkat apa, dan lokasi tahanan, antara lain.

Kematian dalam tahanan

43. Memastikan penyiasatan yang teliti, telus dan berkesan oleh badan bebas terhadap semua aduan dan laporan penyeksaan dan layanan buruk lain oleh polis dan mana-mana pegawai negeri lain dan memastikan bahawa mereka yang disyaki bertanggungjawab didakwa dalam prosiding yang memenuhi standard keadilan antarabangsa.

44. Memperkenalkan suruhanjaya pengawasan polis yang bebas, teguh, telus dan yang tidak berat sebelah, serta dengan kuasa penyiasatan dan tata tertib yang diperlukan untuk mempertanggungjawabkan polis.

Hak Orang Asal

45. Memastikan Orang Asal bebas daripada gangguan dan ancaman jenayah melalui penggunaan undang-undang yang menindas dan boleh melaksanakan hak mereka dan menjalankan kerja hak asasi manusia mereka dalam persekitaran yang selamat.

46. Mulakan penyiasatan menyeluruh dan saksama terhadap serangan dan ancaman terhadap pembela tanah Orang Asal, dan apabila terdapat bukti tanggungjawab jenayah yang mencukupi, bawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan dalam perbicaraan yang adil.

47. Melindungi dan menegakkan hak asasi manusia Orang Asal, termasuk hak mereka ke atas tanah; perlindungan warisan budaya mereka; persetujuan bebas, terdahulu dan termaklum; dan persekitaran yang sihat.

**AMNESTY
INTERNATIONAL
MALAYSIA**

e: amnesty@amnesty.my
t: +60 3 7931 4905

C-3-23 8 Avenue
Jalan Sungai Jernih 8/1, Section 8
46050 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia



www.amnesty.my

48. Menangani perubahan sistemik jangka panjang yang diperlukan untuk melindungi hak Orang Asal dengan menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Bebas mengenai Hak Tanah Orang Asal.

LAMPIRAN 1

DOKUMEN UTAMA AMNESTY INTERNATIONAL UNTUK RUJUKAN LANJUT

Amnesty International Malaysia, "Historic change unfolding as Dewan Rakyat votes to repeal mandatory death penalty", 2 April 2023 <https://www.amnesty.my/2023/04/03/malaysia-historic-change-unfolding-as-lawmakers-vote-to-repeal-mandatory-death-penalty/>

Amnesty International Malaysia, Amnesty International Malaysia condemns deportation of more Myanmar nationals, including children, 23 February 2023, <https://www.amnesty.my/2023/02/23/amnesty-international-malaysia-condemns-deportation-of-more-myanmar-nationals-including-children/>

Amnesty International Malaysia, "Fahmi Reza charged: laws must not be used to stifle peaceful dissent", 10 February 2023 <https://www.amnesty.my/2022/02/10/media-quote-fahmi-reza-charged-laws-must-not-be-used-to-stifle-peaceful-dissent-and-critique/>

Submission to the UN Committee on the Elimination of Discrimination against Women: 86th pre-sessional working group, 27 Feb 2023-3 March 2023, List of Issues, 30 January 2023, <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/6393/2023/en/>

Malaysia: "Next government must advance human rights", 17 November 2022, <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2022/11/malaysia-elections-human-rights/>

8-point human rights agenda for the new government, 16 November 2022, <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/6226/2022/en/>

Halt forced deportation of people from Myanmar and ensure access to asylum, 21 October 2022 <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/6138/2022/en/>

Amnesty International Malaysia, "Media Quote: IPCC and SOSMA", 25 July 2022 <https://www.amnesty.my/2022/07/25/media-quote-ipcc-and-sosma/>

Malaysia: "Move to abolish mandatory death penalty is 'welcome step' in right direction", 10 June 2022 <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2022/06/malaysia-mandatory-death-penalty-abolition/>

Amnesty International Malaysia, "Drop investigations into Nagaenthran vigils," 28 April 2022 <https://www.amnesty.my/2022/04/28/drop-investigations-into-nagaenthran-vigils/>

Amnesty International Malaysia, Deaths of six detainees at Sungai Bakap, 20 April 2022 <https://www.amnesty.my/2022/04/21/deaths-of-six-detainees-at-sungai-bakap/>

Amnesty International Malaysia, "IPCC bill is a step backwards for police accountability", 27 October 2021, <https://www.amnesty.my/2022/04/28/drop-investigations-into-nagaenthran-vigils/>

PM's resignation must restore respect for freedom of expression and assembly, 17 August 2021
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2021/08/malaysia-pm-resignation-restore-respect-freedom-expression/>

Amnesty International Malaysia, "PDRM fails to protect detainees: civil society demands police accountability & IPCMC", 1 June 2021 <https://www.amnesty.my/2021/06/01/joint-press-statement-pdrm-fails-to-protect-detainees-civil-society-demands-police-accountability-ipcmc/>

Stop intimidation of human rights lawyer and defenders, 1 April 2021
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/3943/2021/en/>

Malaysia: "Deportation to Myanmar puts lives in danger", 18 February 2021
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2021/02/myanmar-deportation-malaysia-danger/>

Amnesty International Malaysia, "Attack on students' freedom of expression must end", 7 November 2020, <https://www.amnesty.my/2020/11/07/attack-on-students-freedom-of-expression-must-end/>

Malaysia: "Court ruling against whipping must be first step toward protecting Rohingya refugees", 22 June 2020
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2020/07/malaysia-court-ruling-against-whipping-must-be-first-step-toward-protecting-rohingya-refugees/>

Malaysia: "Stop plans to cane Rohingya refugees and release those already imprisoned", 20 July 2020,
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2020/07/malaysia-stop-plans-to-cane-rohingya-refugees-and-release-those-already-imprisoned/>

A historic opportunity: Ensuring an effective police commission in Malaysia, 6 July 2020
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/2125/2020/en/>

Joint Statement: End harassment and intimidation of media workers and critics in Malaysia, 11 July 2020, <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/2712/2020/en/>

Malaysia: Raft of police investigations a blatant attempt to intimidate peaceful protesters, 4 March 2020
<https://www.amnesty.org/en/latest/news/2020/03/malaysia-raft-police-investigations-blatant-attempt-intimidate-peaceful-protesters/>

Fatally flawed: Why Malaysia must abolish the death penalty, 10 October 2019
<https://www.amnesty.org/en/documents/act50/1078/2019/en/>

Attacks on women's day march inconsistent with the government's stated commitment to fundamental freedoms, 18 March 2019,
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/0067/2019/en/>

**AMNESTY
INTERNATIONAL
MALAYSIA**

e: amnesty@amnesty.my
t: +60 3 7931 4905

C-3-23 8 Avenue
Jalan Sungai Jernih 8/1, Section 8
46050 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia



www.amnesty.my

Malaysia: Ratify core human rights treaties, repeal repressive laws, and abolish the death penalty:
Human Rights Council adopts Universal Periodic Review outcome on Malaysia, 14 March 2019
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/0028/2019/en/>

The Forest is our Heartbeat: The struggle to save indigenous land in Malaysia, 29 November 2018
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/9424/2018/en/>

Malaysia: Caning of two women a terrible day for human rights, 3 September 2018
<https://www.amnesty.org/en/latest/press-release/2018/09/malaysia-caning-of-two-women-a-terrible-day-for-human-rights/>

Malaysia: End discrimination and backlash against LGBTI people, 11 July 2018
<https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/8770/2018/en/>

LAMPIRAN 2
MATRIKS SYOR DARIPADA KITARAN SEBELUMNYA,
BERSERTA ULASAN MENGENAI KEMAJUAN

Syor	Kedudukan	Senarai penuh tema	Penilaian/komen Amnesty International tentang tahap pelaksanaan
Tema: A12 Penerimaan norma antarabangsa			
151.24 Teruskan meneroka kemungkinan untuk melanjutkan komitmen antarabangnya, khususnya mempertimbangkan ratifikasi Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik dan Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa, seperti yang dicadangkan sebelum ini (Latvia); Sumber: A/HRC/40/11/Add. 1 - Para. 7	Disokong	A12 Penerimaan norma antarabangsa B11 Undang-undang kemanusiaan antarabangsa B52 Impuniti D1 Hak sivil dan politik - langkah umum pelaksanaan D51 Pentadbiran keadilan dan perbicaraan adil S16 SDG 16 - keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh Orang yang terjejas: - umum	Tidak dilaksanakan (Lihat perenggan 5 dan 6 di atas)
151.44 Menjadi ahli kepada Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (Belanda); Sumber: A/HRC/40/11/Add. 1 - Para. 7	Disokong	A12 Penerimaan norma antarabangsa B11 Undang-undang kemanusiaan antarabangsa B52 Impuniti D51 Pentadbiran keadilan dan perbicaraan adil S16 SDG 16 - keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh Orang yang terjejas: - umum	Tidak dilaksanakan (Lihat perenggan 6 di atas)
151.9 Mempercepatkan pertimbangannya mengenai tandatangan dan pengesahan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum, Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain	Disokong	A12 Penerimaan norma antarabangsa B32 Diskriminasi kaum D1 Hak sivil dan politik - langkah umum pelaksanaan	Tidak dilaksanakan (Lihat perenggan 5 di atas)

<p>yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah, Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dan Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (Turki); Sumber: A/HRC/40/11/Add.1 - Para. 7</p>		<p>D25 Larangan penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah E1 Hak ekonomi, sosial dan budaya - langkah umum pelaksanaan G4 Migran S16 SDG 16 - keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh Orang yang terjejas: - migran</p>	
<p>151.26 Bergerak ke hadapan ke arah ratifikasi Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (Chile); Sumber: A/HRC/40/11/Tambah.1 - Para. 7</p>	<p>Disokong</p>	<p>A12 Penerimaan norma antarabangsa D25 Larangan penyeksaan dan layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah S16 SDG 16 - keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh Orang yang terjejas: - umum</p>	<p>Tidak dilaksanakan (Lihat perenggan 5 di atas)</p>
<p>151.31 Pertimbangkan untuk meratifikasi perjanjian hak asasi manusia antarabangsa teras yang mana ia belum menjadi ahlinya, termasuk Konvensyen Antarabangsa mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka (Filipina); Sumber: A/HRC/40/11/Add.1 - Para. 7</p>	<p>Disokong</p>	<p>A12 Penerimaan norma antarabangsa G4 Migran S16 SDG 16 - keamanan, keadilan dan institusi yang kukuh Orang yang terjejas: - umum - migran</p>	<p>Tidak dilaksanakan (Lihat perenggan 5 dan 30 di atas)</p>
